Negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang, dan keempat terbesar di Malaysia. Perak bersempadan darat dengan negeri-negeri Kedah di utara, Pulau Pinang di tenggara dan sebelah barat laut, Kelantan di sebelah timur laut, Pahang di timur, dan tenggara, Selangor di selatan dan Selat Melaka di barat. Negeri Perak terbahagi kepada 13 daerah dan ditadbir oleh 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Terdapat sebanyak 82 mukim di Negeri Perak; yang mana Daerah Perak Tengah mempunyai bilangan mukim terbanyak, iaitu 12 mukim diikuti dengan Daerah Larut dan Matang sebanyak 11 mukim.

Negeri ini merekodkan keluasan 21,146 km persegi dengan jumlah penduduk berjumlah 2,541.2 juta (1,323.4 lelaki dan 1,217.9 perempuan) pada tahun 2024. Ini menghasilkan kepadatan penduduk seramai 120.1 penduduk per km persegi. Dari segi peratusan penduduk menua (65 tahun dan ke atas), Perak mencatatkan peratusan penduduk menua tertinggi dikalangan negeri-negeri di Malaysia iaitu 9.7 peratus. Pada tahun 2023, tenaga buruh di Perak meningkat sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 0.9%). Sejumlah 1,148.8 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 1,119.1 ribu orang pada tahun 2022.

Ekonomi Perak pada tahun 2023 berkembang 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 4.6 peratus dengan nilai KDNK berjumlah RM82.6 bilion. Dari aspek komposisi ekonomi Perak pada tahun 2023, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan menyumbang sebanyak 63.4 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian masing masing menyumbang sebanyak 19.3 peratus dan 14.2 peratus. Sektor Pembinaan pula memberi impak yang lebih kecil sebanyak 2.5 peratus diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang sebanyak 0.6 peratus.

4.0 SEKTOR PERTANIAN NEGERI PERAK

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan kebergantungan serta negara kepada import pertanian.

Pada tahun 2023, sektor Pertanian di Perak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM11.7 bilion berbanding RM11.5 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Perak, menyumbang 14.2 peratus pada tahun 2023. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian di negeri ini dengan sumbangan 52.0 peratus, diikuti subsektor Ternakan (24.2%), Perikanan (21.8%) serta Perhutanan & pembalakan (2.1%). Pertumbuhan sektor ini menunjukkan peningkatan iaitu 1.9 peratus berbanding negatif 2.6 peratus pada tahun 2022. Prestasi baik ini disumbangkan oleh subsektor Tanaman dan Perikanan. Subsektor Tanaman mencatatkan pertumbuhan 2.8 peratus berbanding negatif 2.6 peratus pada tahun sebelumnya disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pengeluaran tanaman sayur-sayuran dan juga tanaman makanan lain.

Bagi pengeluaran tanaman kelapa sawit pula, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB, Perak mencatatkan penyusutan pengeluaran buah tandan segar iaitu negatif 0.8 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: -0.7%). Subsektor Ternakan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Perak mencatatkan penyusutan marginal 0.2 peratus berbanding peningkatan 0.6 peratus pada 2022. Penyusutan ini dipengaruhi oleh aktiviti ternakan ayam & itik. Subsektor Perikanan pula mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus berbanding negatif 6.4 peratus pada tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh pertumbuhan dua digit dalam aktiviti pendaratan ikan laut. Subsektor Perhutanan & pembalakan merosot kepada negatif 25.1 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan 1.5 peratus pada tahun sebelumnya.

5.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN

Pada tahun 2024, jumlah eksport bagi 10 produk Pertanian utama negeri Perak bernilai RM8,529.0 juta. Antara eksport utama meliputi minyak kelapa sawit RM2,996.3 juta, getah asli RM345.7 juta serta udang, segar atau disejukbekukan RM241.4 juta. Sementara itu, nilai import pula bagi 10 produk Pertanian utama mencatatkan RM915.2 juta. Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) yang bernilai RM342.7 juta merupakan import utama produk pertanian, diikuti Krustacea & moluska, segar, didinginkan, disejukbekukan, dikeringkan RM228.5 juta serta Ikan, segar, didinginkan atau disejukbekukan RM177.2 juta.

6.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, PERAK

6.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 107,474 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 104,878 pegangan pertanian individu (97.6%) dan 2,596 pegangan pertanian pertubuhan (2.4%). Hulu Perak, Perak mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 12,981 (12.1%) diikuti Kuala Kangsar, Perak (12,379; 11.5%) dan Kerian, Perak (12,341; 11.5%).

Paparan 1: Pegangan Pertanian, Perak, 2023

PERAK	Pegangan Pertanian: 107,474		
	Individu	Pertubuhan	
Batang Padang	11,929	11,706	223
Manjung	12,280	11,853	427
Kinta	7,193	6,608	585
Kerian	12,341	12,152	189
Kuala Kangsar	12,379	12,231	148
Larut dan Matang	8,392	8,114	278
Hilir Perak	8,135	7,885	250
Hulu Perak	12,981	12,903	78
Perak Tengah	8,247	8,157	90
Kampar	2,491	2,367	124
Muallim	3,595	3,539	56
Bagan Datuk	4,112	4,013	99
Selama	3,399	3,350	49

6.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 104,878 pegangan pertanian individu di Perak, seramai 104,798 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 80 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.


Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Perak, 2023



6.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 80,052 orang (76.3%) berbanding 24,826 perempuan (23.7%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



6.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 48,847 orang atau 46.6 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (31,476 orang; 30.0%), 31 hingga 45 tahun (19,406 orang; 18.5%) dan 15 hingga 30 tahun (5,149 orang; 4.9%).


**Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur,
Perak, 2023**



6.1.4 KUMPULAN ETNIK

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 81,329 orang (77.6%), diikuti oleh Cina (19,822 orang; 18.9%), India (3,204 orang; 3.1%) dan lain-lain (443 orang; 0.4%).

**Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik,
Perak, 2023**



6.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (73,673 orang; 70.2%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (12,842 orang; 12.2%), balu/duda (11,647 orang; 11.1%), dan bercerai/berpisah (1,214 orang; 1.2%).

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan tidak sama dengan 100% kerana terdapat rekod tiada maklumat.

6.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 41,539 orang atau 39.6 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (27,712 orang; 26.4%) dan tiada sijil (23,542 orang; 22.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 6,583 orang (6.3%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023




Nota: Penjumlahan peratusan tidak sama dengan 100% kerana terdapat rekod tiada maklumat.

6.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah kluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 497.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 188.8 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 308.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Hilir Perak mencatatkan jumlah kluasan bertanam terbesar iaitu seluas 102.9 ribu hektar, diikuti oleh Perak Tengah (72.2 ribu hektar) dan Batang Padang (62.5 ribu hektar).


Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



6.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah kluasan bertuai di Perak merekodkan 452.5 ribu hektar, di mana kluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah kluasan 269.5 ribu hektar, manakala 183.0 ribu hektar oleh pegangan pertanian individu. Daerah Hilir Perak mencatatkan jumlah kluasan bertuai terbesar iaitu seluas 93.4 ribu hektar, diikuti oleh Perak Tengah (67.4 ribu hektar) dan Kerian (57.5 ribu hektar).

Paparan 9: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



6.4 KUANTITI PENGELUARAN


Kuantiti pengeluaran aktiviti pertanian Negeri Perak adalah 7,739.2 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,849.3 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,887.7 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Kuantiti pengeluaran bagi ternakan hidup adalah 204,201.9 ribu ekor dengan 99.5 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 0.5 peratus oleh pegangan pertanian individu. Manakala, bagi subsektor akuakultur kuantiti pengeluaran ikan hiasan adalah 663,279.9 ribu ekor dengan 96.1 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 3.9 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Kuantiti pengeluaran telur ayam/itik bagi Perak adalah 1,017,005.0 ribu biji. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 99.9 peratus iaitu sebanyak 1,015,950.5 ribu biji manakala sebanyak 1,054.5 ribu biji (0.1%) adalah daripada pegangan pertanian individu. Selain itu, kuantiti pengeluaran daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dan madu dalam unit liter adalah sebanyak 7,791.8 ribu liter di mana sebanyak 418.8 ribu liter daripada pegangan pertanian individu dan 7,373.0 ribu liter daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Perak adalah 1,313.1 ribu meter padu yang hanya melibatkan subsektor perhutanan dan pembalakan. Pecahan pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 1,313.0 ribu meter padu dan baki 0.1 ribu meter padu adalah pegangan pertanian individu.

Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



Kuantiti Pengeluaran ('000)	
i. Tan Metrik	7,739.2
ii. Biji	1,017,005.0
iii. Ekor	867,481.9
iv. Liter	7,791.8
v. Meter Padu	1,313.1
ii. Biji	1,054.5
iii. Ekor	26,841.3
iv. Liter	418.8
v. Meter Padu	0.1
ii. Biji	1,015,950.5
iii. Ekor	840,640.5
iv. Liter	7,373.0
v. Meter Padu	1,313.0

6.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan aktiviti pertanian Negeri Perak adalah 7,661.9 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,842.4 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,819.5 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Kuantiti jualan bagi ternakan hidup adalah 194,221.2 ribu ekor dengan 99.5 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 0.5 peratus oleh pegangan pertanian individu. Manakala, bagi subsektor akuakultur kuantiti jualan ikan hiasan adalah 311,314.1 ribu ekor dengan 96.1 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dan 3.9 peratus oleh pegangan pertanian individu.

Kuantiti jualan telur ayam/itik bagi Perak adalah 998,931.9 ribu biji. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 99.9 peratus iaitu sebanyak 998,112.9 ribu biji manakala sebanyak 819.0 ribu biji (0.1%) adalah daripada pegangan pertanian individu. Selain itu, kuantiti jualan daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dan madu dalam unit liter adalah sebanyak 7,719.9 ribu liter di mana sebanyak 377.3 ribu liter daripada pegangan pertanian individu dan 7,342.6 ribu liter daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan di Perak adalah 763.5 ribu meter padu yang hanya melibatkan subsektor perhutanan dan pembalakan. Pecahan pegangan pertanian pertubuhan adalah sebanyak 763.4 ribu meter padu dan baki 0.1 ribu meter padu adalah pegangan pertanian individu.

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Perak merekodkan RM15,983.54 juta, di mana 72.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM11,520.92 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 27.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM4,462.62 juta.

Paparan 11: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023




Kuantiti Jualan ('000)		Nilai Jualan (RM juta)	
i. Tan Metrik	7,661.9		
ii. Biji	998,931.9		
iii. Ekor	505,535.3		
iv. Liter	7,719.9		
v. Meter Padu	763.5		
		15,983.54	
			4,462.62
			11,520.92

6.6 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Jumlah kluasan bertanam di Perak pada tahun 2023 adalah seluas 497.0 ribu hektar serta kluasan bertuai 452.5 ribu hektar, di mana kluasan bertanam dan bertuai terbesar adalah Daerah Hilir Perak dengan masing-masing seluas 102.8 ribu dan 93.4 ribu hektar diikuti Daerah Perak Tengah mencatakan kluasan tanaman seluas 72.2 ribu hektar dan kluasan bertuai seluas 67.4 ribu hektar.

Daerah Hilir Perak juga mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 1,803.0 ribu tan metrik dan kuantiti jualan sebanyak 1,799 tan metrik. Daerah kedua dan ketiga tertinggi bagi kuantiti jualan adalah Daerah Batang Padang dan Perak Tengah dengan masing-masing menghasilkan 1,155.2 ribu dan 1021.1 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM8,277.45 juta.

Paparan 12: Parameter Utama Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023

	 Keluasan Bertanam ('000 hektar)	 Keluasan Bertuai ('000 hektar)	 Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	 Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	 Nilai Jualan (RM juta)
Perak	497.0	452.5	7,372.3	7,299.1	8,277.45
Batang Padang	62.5	55.8	1158.9	1,155.2	1,176.12
Manjung	46.3	42.1	885.7	883.6	875.85
Kinta	19.9	18.2	348.6	343.0	719.29
Kerian	60.3	57.5	545.7	529.3	529.23
Kuala Kangsar	37.5	32.8	506.5	501.5	550.55
Larut dan Matang	33.9	30.7	578.6	562.7	869.81
Hilir Perak	102.8	93.4	1,803.0	1799.0	1,671.13
Hulu Perak	31.9	26.9	155.1	154.2	299.78
Perak Tengah	72.2	67.4	1,034.8	1,021.1	1,032.06
Kampar	4.8	4.4	77.2	73.4	192.26
Muallim	4.2	4.0	42.2	41.7	67.73
Bagan Datuk	13.0	12.1	138.1	137.3	180.91
Selama	7.6	7.3	97.9	97.2	112.75

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TANAMAN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

7.0 SUBSEKTOR TANAMAN

7.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 93,244 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 91,629 pegangan pertanian individu (98.3%) dan 1,615 pegangan pertanian pertubuhan (1.7%). Hulu Perak, Perak mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 12,065 (12.9%) diikuti Kuala Kangsar, Perak 11,602; (12.4%) dan Kerian, Perak 10,827 (11.6%).

Paparan 13: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman Perak, 2023



7.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 91,629 pegangan pertanian individu di Perak, seramai 91,580 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 49 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.


Paparan 14: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kewarganegaraan Perak, 2023

Warganegara		
91,580 (99.9%)		49 (0.1%)

7.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 67,329 orang (73.5%) berbanding 24,300 perempuan (26.5%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 15: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Jantina, Perak, 2023



7.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 45,629 orang atau 49.8 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (27,479 orang; 30.0%), 31 hingga 45 tahun (15,569 orang; 17.0%) dan 15 hingga 30 tahun (2,952 orang; 3.2%).


Paparan 16: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



7.1.4 KUMPULAN ETNIK

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 71,646 orang (78.2%), diikuti oleh Cina (16,874 orang; 18.4%), India (2,635 orang; 2.9%) dan lain-lain (425 orang; 0.5%).


Paparan 17: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kumpulan Etnik, Perak, 2023



7.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (68,181 orang; 75.6%), diikuti oleh balu/duda (10,840 orang; 12.0%), tidak pernah berkahwin (10,028 orang; 11.1%), dan bercerai/berpisah (1,078 orang; 1.2%).


Paparan 18: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023



7.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 35,728 orang atau 41.5% peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (23,560 orang; 27.4%) dan tiada sijil (20,491 orang; 23.8%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 6,348 orang (7.4%).

Paparan 19: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



7.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 497.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 188.8 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 308.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Daerah Hilir Perak mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 102.8 ribu hektar, diikuti oleh Perak Tengah (72.2 ribu hektar) dan Batang Padang (62.5 ribu hektar).

Paparan 20: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Keluasan Bertanam ('000 Ha)

497.0

Individu

188.8


Pertubuhan

308.2

7.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Perak merekodkan 452.5 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah keluasan 269.5 ribu hektar, manakala 183.0 ribu hektar oleh pegangan pertanian individu. Daerah Hilir Perak mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 93.4 ribu hektar, diikuti oleh Perak Tengah (67.4 ribu hektar) dan Kerian (57.5 ribu hektar).

Paparan 21: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Keluasan Bertuai ('000 Ha)

452.5

Individu

183.0

Pertubuhan

269.5

7.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman Negeri Perak adalah 7,372.2 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,733.6 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,638.6 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti pengeluaran bagi unit kilogram adalah sebanyak 56.9 ribu kilogram. Sebanyak 28.2 peratus iaitu 16.0 ribu kilogram daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 40.9 ribu kilogram (71.8%) oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 22: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman, Perak, 2023

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Tan Metrik	7,372.2	1,638.6	5,733.6
ii. Kilogram	56.9	40.9	16.0

7.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman Negeri Perak adalah 7,299.1 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,729.5 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,569.6 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti pengeluaran bagi unit kilogram adalah sebanyak 46.0 ribu kilogram. Sebanyak 28.2 peratus iaitu 15.8 ribu kilogram daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 30.2 ribu kilogram (71.8%) oleh pegangan pertanian individu.

Nilai jualan merekodkan RM8,277.45 juta, di mana 72.5 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM6,001.73 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 27.5 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM2,275.72 juta.

Paparan 23: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman, Perak, 2023

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Jualan ('000)			
i. Tan Metrik	7,299.1	1,569.6	5,729.5
ii. Kilogram	46.0	30.2	15.8
Nilai Jualan (RM juta)			
	8,277.45	2,275.72	6,001.73

7.6 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Subsektor tanaman merekodkan bilangan pengusaha tertinggi dalam sektor pertanian di Perak dengan mencatatkan sejumlah 93,244 pengusaha. Bilangan ini menyumbang 9.5 peratus daripada keseluruhan individu dan pertubuhan perniagaan yang terlibat di seluruh negara. Bilangan tersebut juga menyumbang 86.8 peratus daripada keseluruhan 107,474 pengusaha pertanian di Perak.

Luas kawasan bertanam merekodkan 497.0 ribu hektar yang menyumbang 52.5 peratus daripada keseluruhan guna tanah pertanian di negeri ini, manakala luas bertuai mencatatkan 452.5 ribu hektar dengan kuantiti pengeluaran 7,372.2 ribu tan metrik dan nilai jualan RM8,277.45 juta. Tanaman utama yang diusahakan adalah kelapa sawit, padi, getah dan buah-buahan.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Perak, 2023

	Pegangan Pertanian
93,244	
	Keluasan Bertanam ('000 hektar)
497.0	
	Nilai Jualan (RM juta)
8,277.45	
	Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)
7,372.2	
	Kuantiti Jualan ('000 mt)
7,299.2	

“Perak mempunyai dua kawasan Jelapang Padi iaitu di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak”

7.6.1 TANAMAN MAKANAN

Jadual 1: Parameter Utama Tanaman Makanan, Perak, 2023

Jenis Tanaman	Pegangan Pertanian	Luas Bertanam (Hektar)
Padi	13,901	74,706.2
Buah-buahan	12,435	11,505.7
Sayur-sayuran	2,906	7,358.0
Lain-lain	5,405	14,574.1

Paparan 25: Parameter Utama Tanaman Makanan, Perak, 2023



Kuantiti Pengeluaran (mt)	Kuantiti Jualan (mt)	Nilai Jualan (RM)
687,711	614,620	2,104,021

7.6.1.1 TANAMAN MAKANAN: PADI


Tanaman padi yang menjadi sumber makanan utama negara mencatatkan luas bertanam 74,706.2 hektar di Perak. Keluasan ini menjadikan Perak sebagai negeri kedua tertinggi dari segi keluasan tanaman padi negara dengan sumbangan 14.8 peratus, selepas Kedah yang menyumbang 39.2 peratus. Sejumlah 13,901 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti penanaman padi di Perak.

Tiga daerah pengeluar utama padi Perak adalah Kerian dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 100,066.8 tan metrik (sumbangan 43.6%), diikuti dengan Perak Tengah 85,129.2 tan metrik (sumbangan 37.1%) dan Hilir Perak 34,935.2 tan metrik (sumbangan 15.2%). Sementara itu, pegangan pertanian di tiga daerah ini adalah seramai 7,969 pesawah di Kerian 3,483 pesawah di Perak Tengah dan 2,106 pesawah di Hilir Perak.

7.6.1.2 TANAMAN MAKANAN: BUAH-BUAHAN

Tanaman buah-buahan mencatatkan keluasan bertanam 11,505.7 hektar dengan sumbangan sebanyak 2.3 peratus daripada keseluruhan subsektor tanaman. Bilangan pegangan pertanian buah-buahan yang direkodkan di Perak adalah 12,435 pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan dengan sumbangan 13.8 peratus daripada keseluruhan 90,106 pegangan pertanian di peringkat nasional. Daerah Larut dan Matang merekodkan bilangan kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 59,208.1 tan metrik diikuti oleh Perak Tengah 16,981.6 tan metrik serta Kuala Kangsar 16,691.7 tan metrik.

Paparan 26: Keluasan Bertanam (Hektar) Tanaman Buah-Buahan mengikut Daerah, Perak, 2023



Dalam konteks keluasan bertanam, tiga daerah dengan keluasan tertinggi di Negeri Perak adalah Larut dan Matang 4,139.5 hektar (sumbangan 36.0%), Hulu Perak 1,772.2 hektar (sumbangan 15.4%) dan Perak Tengah 1,200.8 hektar (sumbangan 10.4%).

Paparan 27: Tiga Jenis Tanaman Buah-Buahan Utama berdasarkan Kuantiti Pengeluaran (tan metrik), Perak, 2023

59,217.3 mt	46,664.7 mt	14,246.5 mt

7.6.1.3 TANAMAN MAKANAN: SAYUR-SAYURAN

Tanaman sayur-sayuran pula mencatatkan keluasan 7,358.0 hektar dengan menyumbang 1.5 peratus daripada keseluruhan luas bertanam subsektor tanaman Perak. Bilangan pegangan pertanian yang direkodkan adalah 2,906 individu dan pertubuhan perniagaan dengan sumbangan 3.1 peratus daripada keseluruhan 961,244 pegangan pertanian tanaman seluruh Negeri Perak. Daerah Kinta mencatatkan bilangan tertinggi dengan 682 pegangan pertanian sayur-sayuran diikuti oleh Daerah Batang Padang 642 pegangan pertanian dan Daerah Manjung 328 pegangan pertanian.

Daerah Kinta turut merekodkan luas kawasan bertanam sayur-sayuran yang terbesar dengan 3,511.4 hektar (sumbangan 47.7%) diikuti oleh Daerah Kampar dengan 1,118.1 hektar (sumbangan 15.2%) dan Daerah Batang Padang dengan 685.5 hektar (sumbangan 9.3%).

TAHUKAH ANDA?
Tiga jenis pengeluaran tanaman sayur-sayuran utama di Perak adalah **timun** (25,538.9 tan metrik), **keledek** (16,057.0 tan metrik) dan **sawi** (14,624.7 tan metrik)

7.6.1 TANAMAN KOMODITI

Jadual 2: Parameter Utama Tanaman Komoditi, Perak, 2023

Jenis Tanaman	Pegangan Pertanian	Luas Bertanam (Hektar)
Kelapa Sawit	31,848	343,968.9
Getah	29,562	44,497.5
Koko	387	380.0
Kenaf	17	33.0
Lada	7	6.2

Paparan 28: Parameter Utama Tanaman Komoditi, Perak, 2023




Kuantiti Pengeluaran (mt)	Kuantiti Jualan (mt)	Nilai Jualan (RM juta)
6,684,522.6	6,684,483.2	6,173,4.3

7.6.1.1 TANAMAN KOMODITI: KELAPA SAWIT

Kelapa sawit adalah tanaman komoditi terbesar di Perak yang melibatkan kawasan bertanam seluas 343,968.9 hektar dan menyumbang 5.9 peratus daripada 5,822,495.7 hektar tanaman kelapa sawit di seluruh negara. Perak mencatatkan keluasan bertanam kelima tertinggi di Malaysia bagi tanaman ini


Carta 1: Keluasan Bertanam (Hektar) Kelapa Sawit mengikut Daerah, Perak, 2023



Daerah yang merekodkan tanaman kelapa sawit paling luas adalah Daerah Hilir Perak iaitu 88,275.0 hektar (sumbangan 25.7%) diikuti Daerah Batang Padang 57,441.5 hektar (sumbangan 16.7%) dan Daerah Perak Tengah 46,621.4 hektar (sumbangan 13.6%).

Seramai 31,848 pegangan pertanian terlibat dalam tanaman komoditi kelapa sawit ini di seluruh Perak. Daerah Manjung mempunyai bilangan pegangan pertanian yang paling tinggi iaitu seramai 7,703, diikuti Daerah Hilir Perak 4,894 pegangan pertanian dan Daerah Perak Tengah 3,002 pegangan pertanian.

Paparan 29: Pegangan Pertanian Tanaman Kelapa Sawit mengikut Daerah, Perak, 2023



“Daerah Hilir Perak, Batang Padang dan Perak Tengah merupakan daerah pengeluar utama kelapa sawit di negeri Perak”

7.6.1. TANAMAN KOMODITI: GETAH

Keluasan bertanam getah di Perak merekodkan 44,497.5 hektar, yang menyumbang 6.2 peratus kepada keluasan tanaman getah nasional. Seramai 29,562 pegangan pertanian tanaman getah menjalankan aktiviti tanaman ini. Daerah Hulu Perak mempunyai bilangan pengusaha tertinggi seramai 10,843 diikuti 7,508 di Daerah Kuala Kangsar dan 2,479 di Daerah Batang Padang.

Jadual 3: Pegangan Pertanian Tanaman Getah, Perak, 2023


Daerah	Pegangan Pertanian
Batang Padang	2,479
Manjung	563
Kinta	1,997
Kerian	50
Kuala Kangsar	7,508
Larut dan Matang	1,496
Hilir Perak	153
Hulu Perak	10,843
Perak Tengah	1,036
Kampar	506
Muallim	1,356
Bagan Datuk	41
Selama	1,534

TAHUKAH ANDA?

Daerah Hulu Perak mencatatkan pengeluaran tertinggi bagi tanaman getah di negeri Perak sebanyak **17,090.9 tan metrik**.




Carta 2: Keluasan Bertanam (Hektar) Getah, Perak, 2023



Tiga daerah dengan keluasan bertanam tertinggi bagi tanaman getah adalah Daerah Hulu Perak (23,456.0 hektar), Daerah Kuala Kangsar (9,512.2 hektar) dan Daerah Batang Padang (2,630.8 hektar).

Paparan 30: Nilai Jualan (RM'000) Tanaman Getah, Perak, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

8.0 SUBSEKTOR TERNAKAN

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 2,599 pegangan pertanian bagi subsektor ternakan direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 2,243 pegangan pertanian individu (86.3%) dan 356 pegangan pertanian pertubuhan (13.7%). Daerah Kinta mempunyai bilangan pegangan pertanian bagi subsektor ternakan tertinggi dengan merekodkan 352 (13.5%) diikuti Daerah Larut dan Matang (350, 13.5%) dan Daerah Manjung (294, 11.3%).

Paparan 31: Pegangan Pertanian, Perak, 2023



PERAK

Daerah Pentadbiran	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Batang Padang	279	233	46
Manjung	294	245	49
Kinta	352	270	82
Kerian	139	117	22
Kuala Kangsar	211	169	42
Larut dan Matang	350	311	39
Hilir Perak	156	148	8
Hulu Perak	215	201	14
Perak Tengah	113	104	9
Kampar	160	131	29
Muallim	82	75	7
Bagan Datuk	123	118	5
Selama	125	121	4

8.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 2,243 pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Perak, seramai 2,242 orang atau 100.0 peratus merupakan warganegara, manakala 1 orang (0.0%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.


Paparan 32: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan



8.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu bagi subsektor ternakan di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 2,057 orang (91.7%) berbanding 186 perempuan (8.3%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 33: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



8.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 770 orang atau 34.3 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (705 orang; 31.4%), 31 hingga 45 tahun (622 orang; 27.7%) dan 15 hingga 30 tahun (146 orang; 6.5%).


Paparan 34: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



8.1.4 KUMPULAN ETNIK

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 1,674 orang (74.7%), diikuti oleh India (495 orang; 22.1%), Cina (65 orang; 2.9%) dan lain-lain (8 orang; 0.4%).


Paparan 35: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Perak, 2023



8.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (1,795 orang; 80.0%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (262 orang; 11.7%), balu/duda (166 orang; 7.4%), dan bercerai/berpisah (20 orang; 0.9%).


Paparan 36: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023



8.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 1,506 orang atau 67.1 peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (420 orang; 18.7%) dan tiada sijil (200 orang; 8.9%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 117 orang (5.2%).


Paparan 37: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



8.2 KUANTITI PENGELOUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi ternakan hidup adalah 204,202.0 ribu ekor dengan 203,155.1 ribu ekor (99.5%) daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,046.9 ribu ekor oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 38: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Ternakan, Perak, 2023



Manakala, kuantiti pengeluaran telur ayam/itik bagi Negeri Perak adalah 1,017,005.0 ribu biji. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 99.9 peratus iaitu sebanyak 1,015,950.5 ribu biji manakala sebanyak 1,054.5 ribu biji (0.1%) adalah daripada pegangan pertanian individu.

Selain itu, kuantiti pengeluaran daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dan madu dalam unit liter adalah sebanyak 7,791.8 ribu liter dimana sebanyak 418.8 ribu liter daripada pegangan pertanian individu dan 7,373.0 ribu liter daripada pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran dalam unit kilogram adalah sebanyak 23.3 ribu kilogram yang meliputi ternakan hidup dan lain-lain hasil ternakan di Perak bagi tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 17.6 ribu kilogram daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 5.8 ribu kilogram oleh pegangan pertanian individu.

8.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan bagi ternakan hidup adalah 194,221.2 ribu ekor dengan 193,228.9 ribu ekor (99.5%) daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 992.3 ribu ekor oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti jualan telur ayam/itik bagi Negeri Perak adalah 998,931.9 ribu biji. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 99.9 peratus iaitu sebanyak 998,112.9 ribu biji manakala sebanyak 819.0 ribu biji (0.1%) adalah daripada pegangan pertanian individu.

Selain itu, kuantiti jualan daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dan madu dalam unit liter adalah sebanyak 7,719.9 ribu liter dimana sebanyak 377.3 ribu liter daripada pegangan pertanian individu dan 7,342.6 ribu liter daripada pegangan pertubuhan.

Kuantiti jualan dalam unit kilogram adalah sebanyak 23.0 ribu kilogram yang meliputi ternakan hidup dan lain-lain hasil ternakan di Perak bagi tahun 2023.

Nilai jualan merekodkan RM4,214.39 juta, di mana 97.6 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM4,114.30 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 2.4 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM100.09 juta.

Paparan 39: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Ternakan, Perak, 2023



Kuantiti Jualan ('000)			
	i. Ekor	ii. Biji	iii. Liter
i. Ekor	194,221.2	998,931.9	7,719.9
ii. Biji	992.3	819.0	377.3
iii. Liter	193,228.9	998,112.9	7,342.6
iv. Kilogram	23.0	5.5	17.5
Nilai Jualan (RM juta)	4,214.39	100.09	4,114.30



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan


8.4 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Subsektor ternakan di Perak merekodkan 2,599 pegangan pertanian yang menyumbang sebanyak 5.6 peratus daripada keseluruhan 46,781 pegangan pertanian ternakan di Malaysia. Hasil pengeluaran ternakan adalah seperti jualan haiwan ternakan dan jualan hasil ternakan seperti telur, susu dan lain-lain. Bilangan pegangan pertanian subsektor ini menyumbang 2.4 peratus daripada keseluruhan 107,474 pegangan pertanian di negeri ini dengan nilai jualan RM4,214.39 juta.


8.4.1 NILAI JUALAN

Manjung mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM845.72 juta diikuti Kinta RM709.52 juta dan Batang Padang RM698.21 juta. Tiga jenis ternakan hidup yang menyumbang nilai jualan tertinggi di Negeri Perak adalah ternakan ayam RM1,927.80 juta (sumbangan 45.7%) diikuti itik RM852.47 juta (sumbangan 20.2%) dan khinzir RM818.21 juta (sumbangan 19.4%).

Carta 3: Nilai Jualan (RM juta) mengikut Daerah, Perak, 2023



Paparan 40 : Tiga Ternakan Utama, Perak, 2023



8.4.2 PEGANGAN PERTANIAN TERNAKAN

Daerah Kinta merekodkan pegangan pertanian ternakan tertinggi iaitu seramai 352 pegangan pertanian yang merangkumi 270 pegangan pertanian individu dan 82 pegangan pertanian pertubuhan diikuti dengan Daerah Larut dan Matang 350 pegangan pertanian (311 pegangan pertanian individu, 39 pegangan pertanian pertubuhan) dan Daerah Manjung 294 pegangan pertanian (245 pegangan pertanian individu, 49 pegangan pertanian pertubuhan).



Tahukan anda antara hasil dikeluarkan oleh ternakan di Perak ?



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR PERIKANAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

9.0 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

9.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,834 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 5,684 pegangan pertanian individu (97.4%) dan 150 pegangan pertanian pertubuhan (2.6%). Manjung, Perak mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 1,645 (28.2%) diikuti Kerian, Perak (1,242; 21.3%) dan Bagan Datuk, Perak (959; 16.4%).

Paparan 41: Pegangan Pertanian, Perak, 2023



9.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 5,684 pegangan pertanian individu di Perak, seramai 5,653 orang atau 99.5 peratus merupakan warganegara, manakala 31 orang (0.5%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 42: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan Perak, 2023




Warganegara	Bukan Warganegara
5,653 (99.5%)	31 (0.5%)

9.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 5,630 orang (99.0%) berbanding 54 perempuan (1.0%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 43: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



9.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 2,172 orang atau 38.2 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (1,849; 32.5%), 31 hingga 45 tahun (1,351 orang; 23.8%) dan 15 hingga 30 tahun (312 orang; 5.5%).


Paparan 44: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



9.1.4 KUMPULAN ETNIK

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 3,126 orang (55.3%), diikuti oleh Cina (2,453 orang; 43.4%), India (68 orang; 1.2%) dan lain-lain (6 orang; 0.1%).


Paparan 45: Pegangan Perikanan Individu mengikut Kumpulan Etnik, Perak, 2023



9.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (4,307 orang; 75.8%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (1,022 orang; 18.0%), balu/duda (319 orang; 5.6%), dan bercerai/berpisah (36 orang; 0.6%).


Paparan 46: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023



9.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 2,556 orang atau 45.0% peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (2,496 orang; 43.9%) dan tiada sijil (593 orang; 10.4%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiar pula berjumlah 39 orang (0.7%).


Paparan 47: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



9.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi perikanan tangkapan di Negeri Perak adalah 298.6 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 67.2 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 231.4 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 48: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023




9.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan bagi perikanan tangkapan di Negeri Perak adalah 298.4 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 67.0 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 231.4 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Nilai jualan merekodkan RM2,364.00 juta, di mana 77.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM1,823.06 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang sebanyak 22.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM540.94 juta.


Paparan 49: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



9.4 PARAMETER SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN

Aktiviti perikanan merupakan salah satu aktiviti pertanian yang signifikan kepada industri pertanian Negeri Perak. Ia menyumbang 12 peratus kepada KDNK Negeri Perak tahun 2023 bagi sektor pertanian.

Carta 4: Sumbangan Industri Subsektor Perikanan Tangkapan dalam Sektor Pertanian bagi KDNK Perak, 2023



Subsektor perikanan ini turut mendorong kepada kewujudan industri hiliran berdasarkan kepada hasil tangkapan ikan seperti industri pembuatan hasil laut sebanyak RM1,028 juta dan industri borong dan runcit bagi produk berasaskan hasil laut sebanyak RM1,736 juta.

Paparan 50: Parameter Utama Subsektor Perikanan, Perak, 2023


	
Pegangan Pertanian	Nilai Jualan (RM juta)
5,834	2,364.0
	
Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)	Kuantiti Jualan ('000 mt)
298.6	298.4

Daerah utama yang menjalankan aktiviti perikanan adalah Manjung dengan 1,645 pegangan pertanian, Kerian 1,242, Bagan Datuk 959 serta Larut dan Matang 829 pegangan pertanian.

Bagan Datuk merupakan daerah tertinggi bagi kuantiti pengeluaran iaitu sebanyak 125,363.2 tan metrik tangkapan (sumbangan 42.0%) diikuti dengan Manjung 86,665.6 tan metrik (sumbangan 29.0%) dan Larut dan Matang 59,486.7 tan metrik (sumbangan 19.9%).

Nilai jualan merekodkan RM2,364.00 juta, di mana 77.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM1,823.06 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang sebanyak 22.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM540.94 juta.

Carta 5: Perbandingan Pengusaha dan Kuantiti Tangkapan Perikanan, Perak



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

10.0 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

10.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 1,544 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 1,145 pegangan pertanian individu (74.2%) dan 399 pegangan pertanian pertubuhan (25.8%). Kinta, Perak mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan merekodkan 222 (14.4%) diikuti Kuala Kangsar, Perak (209; 13.5%) dan Kampar, Perak (198; 12.8%).

Paparan 51: Pegangan Pertanian, Perak, 2023



10.1.1 KEWARGANEGARAAN

Keseluruhan 1,145 pegangan pertanian individu bagi subsektor akuakultur di Perak merupakan warganegara (100.0%).


Paparan 52: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan Perak, 2023

	Warganegara	Bukan Warganegara
	1,145 (100.0%)	0 (0.0%)

10.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 1,084 orang (94.7%) berbanding 61 perempuan (5.3%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 53: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



10.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 434 orang atau 37.9 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun (401 orang; 35.0%), 31 hingga 45 tahun (266 orang; 23.2%) dan 15 hingga 30 tahun (44 orang; 3.8%).


Paparan 54: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



10.1.4 KUMPULAN ETNIK

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 681 orang (59.5%), diikuti oleh Cina (445 orang; 38.9%), India (16 orang; 1.4%) dan lain-lain (3 orang; 0.3%).


Paparan 55: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Perak, 2023



10.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (997 orang; 87.1%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (81 orang; 7.1%), balu/duda (59 orang; 5.2%), dan bercerai/berpisah (8 orang; 0.7%).


Paparan 56: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023



10.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 874 orang atau 76.3% peratus pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah (134 orang; 11.7%) dan peringkat tertiari (74 orang; 6.5%). Pegangan pertanian individu yang tiada sijil pula berjumlah 63 orang (5.5%).

Paparan 57: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



10.2 KUANTITI PENGELOUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur di Negeri Perak adalah 66.0 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 47.4 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 18.6 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti pengeluaran ikan hiasan adalah 663,279.9 ribu ekor dengan 637,485.5 ribu ekor (96.1%) daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 25,794.5 ribu ekor (3.9%) oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 58: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Akuakultur, Perak, 2023

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Tan Metrik	66.0	18.6	47.4
ii. Ekor	663,279.9	25,794.5	637,485.5

Manakala, kuantiti jualan ikan hiasan adalah 311,314.1 ribu ekor dengan 286,083.4 ribu ekor (91.9%) daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 25,230.8 ribu ekor (8.1%) oleh pegangan pertanian individu.

Nilai jualan merekodkan RM1,008.76 juta, di mana 75.2 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM758.99 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 24.8 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM249.77 juta.

Paparan 59: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Akuakultur, Perak, 2023





Pegangan Pertanian Individu Pertubuhan

Kuantiti Jualan ('000)			
i. Tan Metrik	62.3	17.2	45.1
ii. Ekor	311,314.1	25,230.8	286,083.4
Nilai Jualan (RM juta)			
	1,008.76	249.77	758.99

10.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan bagi subsektor akuakultur di Negeri Perak adalah 62.3 ribu tan metrik pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 45.1 ribu tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 17.2 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

10.4 PARAMETER SUBSEKTOR AKUAKULTUR MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN


Subsektor akuakultur di Perak merekodkan bilangan pegangan pertanian kedua paling ramai di Malaysia berbanding negeri lain dengan 1,544 pegangan pertanian. Angka ini menyumbang 15.0 peratus daripada keseluruhan 10,279 pegangan pertanian di Malaysia.

Daerah Kinta mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 222 pegangan pertanian diikuti Kuala Kangsar 209 dan Kampar 198 pegangan pertanian. Dari segi nilai jualan pula, subsektor akuakultur di Perak mencatatkan hasil jualan berjumlah RM1,008.76 juta yang menyumbang 23.0 peratus daripada keseluruhan nilai jualan subsektor akuakultur (RM4,387.70 juta) di negara ini.

Paparan 60: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Perak, 2023

	Pegangan Pertanian	1,544		Keluasan Aktiviti Akuakultur ('000 Hektar)	6,619.7
	Kuantiti Pengeluaran	Nilai Jualan (RM juta)	1,008.76		Kuantiti Jualan
663.3 juta ekor	66.0 ribu tan metrik	311.3 juta ekor	62.3 ribu tan metrik		

Carta 6: Bilangan Pengusaha Mengikut Daerah, Perak, 2023




Bagi pengeluaran dalam unit bilangan (ekor), daerah Manjung merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 448.3 juta ekor dan kuantiti jualan sebanyak 185.1 juta ekor, dengan nilai jualan sebanyak RM177.44 juta.


Bagi pengeluaran dalam unit tan metrik, daerah Kerian merekodkan jumlah tertinggi untuk kuantiti pengeluaran sebanyak 17.0 juta tan metrik dan kuantiti jualan 16.7 juta tan metrik dengan nilai jualan merekodkan sejumlah RM216.81 juta.

Tiga daerah utama yang memiliki keluasan tertinggi bagi aktiviti akuakultur adalah Daerah Kampar seluas 1,389.2 hektar diikuti oleh Daerah Manjung 1,323.7 hektar dan Daerah Kinta 878.1 hektar.

Paparan 61: Keluasan (hektar) Aktiviti Akuakultur mengikut Daerah, Perak, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

11.0 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

11.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,512 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 5,389 pegangan pertanian individu (97.8%) dan 123 pegangan pertanian pertubuhan (2.2%).

Paparan 62: Pegangan Pertanian, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: **5,512**

Individu: **5,389**

Pertubuhan: **123**

PERAK

11.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 5,389 pegangan pertanian individu di Perak, seramai 5,389 orang atau 100.0 peratus merupakan warganegara.

Paparan 63: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan Perak, 2023



Warganegara

**5,389
(100.0%)**


Bukan Warganegara

**0
(0.0%)**

11.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 5,092 orang (94.5%) berbanding 297 perempuan (5.5%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 64: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



11.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 1,975 orang atau 36.6 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 31 hingga 45 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 15 hingga 30 tahun (1,928 orang; 35.8%), 49 hingga 59 tahun (1,042 orang; 19.3%) dan 60 tahun ke atas (444 orang; 8.2%).


Paparan 65: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



11.1.4 KUMPULAN ETNIK

Majoriti pegangan pertanian individu adalah daripada etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 5,376 orang (99.8%), diikuti oleh Cina (8 orang; 0.1%), India (3 orang; 0.1%) dan lain-lain (2 orang; 0.0%).


Paparan 66: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Perak, 2023



11.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin (3,368 orang; 62.5%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin (1,601 orang; 29.7%), balu/duda (334 orang; 6.2%), dan bercerai/berpisah (85 orang; 1.6%).


Paparan 67: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023



11.1.6 SIJIL TERTINGGI

Seramai 2,731 orang atau 50.7% pegangan pertanian individu tiada sijil, diikuti oleh peringkat rendah (1,458 orang; 27.1%) dan peringkat menengah (1,172 orang; 21.8%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 23 orang (0.4%).

Paparan 68: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



11.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran dalam unit kilogram adalah sebanyak 2,320.9 ribu kilogram yang meliputi subsektor perhutanan dan pembalakan di Perak bagi tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,048.0 ribu kilogram daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,272.8 ribu kilogram oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti pengeluaran bagi unit meter padu adalah sebanyak 1,313.1 ribu meter padu. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,313.0 ribu meter padu daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 0.1 ribu meter padu oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 69: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Perak, 2023



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan

Kuantiti Pengeluaran ('000)			
	i. Kilogram	ii. Meter Padu	
i. Kilogram	2,320.9	1,272.8	1,048.1
ii. Meter Padu	1,313.1	0.1	1,313.0

11.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan dalam unit kilogram adalah sebanyak 1,912.3 ribu kilogram yang meliputi subsektor perhutanan dan pembalakan di Perak bagi tahun 2023.

Daripada jumlah ini, sebanyak 676.0 ribu kilogram daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 1,236.3 ribu kilogram oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti pengeluaran bagi unit meter padu adalah sebanyak 763.5 ribu meter padu. Daripada jumlah ini, sebanyak 763.4 ribu meter padu daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 0.1 ribu meter padu oleh pegangan pertanian individu.

Nilai jualan merekodkan RM118.92 juta, di mana 88.3 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM104.95 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 11.7 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM13.97 juta.

Paparan 70: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian bagi Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Perak, 2023



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan

Kuantiti Jualan ('000)			
	i. Kilogram	ii. Meter Padu	
i. Kilogram	1,912.3	763.5	676.0
ii. Meter Padu	118.92	13.97	104.95

11.4 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Sektor ini merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi di Malaysia iaitu seramai 5,512 pegangan pertanian dengan sumbangan sebanyak 65.1 peratus daripada keseluruhan 8,464 pegangan pertanian di seluruh negara.

Daripada jumlah ini, seramai 5,389 adalah pegangan pertanian individu (97.8%) dan 123 pegangan pertanian pertubuhan (2.2%). Nilai jualan subsektor ini bagi negeri Perak adalah RM118.92 juta.

Paparan 71: Parameter Utama Subsektor Perhutanan dan Pembalakan, Perak, 2023

	Pegangan Pertanian
5,512	
	Kuantiti Jualan ('000)
1,912.3 kg 763.5 m ³	2,320.9 kg 1,313.1 m ³
	Nilai Jualan (RM juta)
	118.92

11.4.1 PERHUTANAN

Subsektor perhutanan yang diperoleh dari sumber hutan simpan terutamanya yang diusahakan oleh individu adalah seperti petai, rotan, buluh dan sebagainya. Kuantiti jualan bagi keseluruhan hasil hutan sebanyak 1,912.35 tan metrik dengan sumbangan nilai jualan RM23.86 juta. Perak antara negeri penyumbang utama hasil jualan untuk aktiviti hasil hutan bukan kayu di Malaysia.

Paparan 72: Penyumbang Utama Hasil Jualan mengikut Jenis Hasil Hutan Bukan Kayu, Perak, 2023



11.4.2 PEMBALAKAN

Subsektor pembalakan telah merekodkan kuantiti pengeluaran 1,313.1 ribu meter padu dengan kuantiti jualan sebanyak 763.5 ribu meter padu dan nilai jualan RM95.07 juta.



Kayu balak

'Hasil hutan merupakan salah satu sumber pendapatan dan kelestarian kehidupan sesetengah masyarakat di negara ini'

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

12.0 PARAMETER UTAMA PERTANIAN MENGIKUT DAERAH

12.1 Daerah Batang Padang

Batang Padang, Perak merupakan daerah kedua terbesar di Perak dengan keluasan 1,794.3 kilometer persegi. Daerah ini terbahagi kepada empat mukim iaitu Batang Padang, Bidor, Chenderiang dan Sungkai.

Carta 7: Nilai Jualan (RM juta) Pertanian, Batang Padang, Perak, 2023



Sektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian di Batang Padang yang merekodkan nilai jualan sejumlah RM1,176.12 (61.4%). Diikuti oleh subsektor ternakan RM698.21 juta (36.5%), akuakultur RM39.61 juta (2.1%) dan perikanan RM1.48 juta (0.1%).

Daerah Batang Padang merekodkan keseluruhan nilai jualan pertanian sebanyak RM1,915.42 juta bagi tahun 2023. Keluasan bertanam pertanian di daerah ini adalah 62,542.7 hektar yang melibatkan 11,929 pegangan pertanian.

12.1.1 Aktiviti Utama Pertanian

Tanaman kelapa sawit merupakan penyumbang utama subsektor tanaman di daerah ini nilai jualan sebanyak RM1,010.59 juta (85.9%). Pengeluaran hasil sawit yang banyak diterajui oleh gugusan Felda Wilayah Trolak yang menguruskan Komuniti Rancangan Sawit di negeri ini.

Paparan 71: Statistik tanaman mengikut Spesis Utama, Batang Padang, Perak, 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam: **57,441.5 hektar**
Nilai Jualan: **RM1,010.59 juta**



Buah-buahan


Keluasan Bertanam: **1,134.0 hektar**
Nilai Jualan: **RM77.54 juta**



Sayur-sayuran

Keluasan Bertanam **685.5 hektar**
Nilai Jualan: **RM46.18 juta**

Carta 8: Nilai Jualan (RM juta) mengikut Subsektor Tanaman, Batang Padang, Perak, 2023




12.2 Daerah Manjung

Daerah Manjung merupakan salah satu daerah yang pesat membangun di negeri Perak dengan aktiviti utamanya terdiri daripada pelancongan, perikanan dan perindustrian.

Daerah ini turut bersempadan dengan daerah Perak Tengah, Larut dan Matang, Bagan Datuk serta Hilir Perak yang berkeluasan 116,800 hektar. Terdapat lima mukim iaitu Beruas, Lekir, Lumut/Pangkor, Pengkalan Baharu dan Sitiawan.

Pada tahun 1990-an, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan merupakan penyumbang utama kepada nilai KDNK dan guna tenaga di Daerah Manjung. Kebergantungan yang ketara terhadap sektor ini telah menyebabkan pendapatan isi rumah di Manjung lebih rendah berbanding daerah-daerah lain di Perak. Namun begitu, dengan kelebihan kedudukannya yang bersempadan dengan perairan laut, sektor pelancongan mula berkembang dan seterusnya menjadi aktiviti ekonomi yang signifikan di daerah ini.

Carta 9: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Manjung, Perak, 2023




Pada tahun 2023, nilai jualan sektor pertanian di Daerah Manjung sejumlah RM2,863.71 juta. Subsektor tanaman merupakan subsektor utama di daerah Manjung dengan nilai jualan RM875.85 juta, diikuti oleh subsektor ternakan RM845.72 juta, seterusnya subsektor perikanan RM800.14 juta dan subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan RM342.29 juta.

12.2.1 Subsektor Tanaman

Daerah Manjung mencatatkan seramai 10,177 pegangan pertanian di dalam subsektor tanaman, iaitu 10.9% daripada keseluruhan pegangan pertanian. Tanaman kelapa sawit merupakan aktiviti utama di Daerah Manjung dengan 7,703 pegangan pertanian, diikuti oleh tanaman buah-buahan seramai 995 pegangan pertanian.

Carta 10: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman, Manjung, Perak, 2023



Tanaman kelapa sawit turut menjadi adalah penyumbang terbesar nilai jualan bagi subsektor tanaman dengan nilai jualan RM744.39 juta, diikuti oleh tanaman lain RM60.19 juta dan buah-buahan RM21.24 juta.

12.2.2 Subsektor Ternakan

Seramai 294 pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di Daerah Manjung. Penternakan ayam/itik mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 92 pegangan pertanian diikuti penternakan kambing/bebiri 57 pegangan pertanian dan lain-lain ternakan 145 pegangan pertanian.

Kuantiti pengeluaran ternakan hidup di Manjung mencatatkan 40.7 juta ekor. Kuantiti pengeluaran ayam/itik merupakan jenis populasi yang paling banyak iaitu 40.5 juta ekor (sumbangan 99.5%) diikuti ternakan babi 0.2 juta ekor (sumbangan 0.5%), lembu/kerbau 6.1 ribu ekor dan kambing/biri-biri 2.6 ribu ekor (sumbangan 0.004%).

Paparan 72: Parameter Utama bagi Subsektor Ternakan mengikut Spesis Utama, Manjung, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 92

Kuantiti Pengeluaran: 40.5 juta ekor

Nilai Jualan: RM499.35 juta

Pegangan Pertanian: 8

Kuantiti Pengeluaran: 0.2 juta ekor

Nilai Jualan: RM247.06 juta



12.2.3 Subsektor Perikanan

Manjung merupakan antara daerah laut di Perak dan penyumbang kedua tertinggi bagi subsektor perikanan dengan mencatatkan 1,645 pegangan pertanian. Daripada segi kuantiti pengeluaran pula, subsektor perikanan mencatatkan 86,665.6 tan metrik bagi perikanan tangkapan laut dan darat serta menyumbangkan 29.0 peratus daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran perikanan negeri Perak (298,596.4 tan metrik).

Paparan 73: Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Manjung, Perak, 2023



Bilangan Pegangan Pertanian

1,645



Kuantiti Pengeluaran (mt)

86,665.6



Nilai Jualan (RM juta)

800.14

Kuantiti pengeluaran bagi tangkapan laut adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 86,634.0 tan metrik dengan 1,643 pegangan pertanian manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan darat adalah sebanyak 31.6 tan metrik.

Paparan 74: Kuantiti pengeluaran mengikut zon perikanan, Manjung, Perak, 2023



Zon Laut
86,634.0 mt



Zon Darat
31.6 mt

12.2.4 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di daerah Manjung merupakan subsektor keempat terbesar di daerah ini dengan merekodkan nilai jualan sebanyak RM342.29 juta yang melibatkan seramai 191 pegangan pertanian dengan kuantiti pengeluaran 10.1 ribu tan metrik dan 448.3 juta ekor manakala kuantiti jualan 8,574.5 tan metrik dan 185.1 juta ekor.

Paparan 75: Pegangan Pertanian, Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Manjung, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 191


Kuantiti Pengeluaran: 10.1 ribu mt

Nilai Jualan: RM342.29 juta

12.3 Daerah Kinta

Daerah Kinta berkeluasan 1,294.7 kilometer persegi dan terbahagi kepada lima mukim iaitu Tronoh, Hulu Kinta, Sungai Raya, Sungai Terap dan Tanjung Tualang.

Carta 11: Nilai Jualan (RM juta) Subsektor Pertanian, Kinta, Perak, 2023



Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor pertanian di Kinta yang merekodkan nilai jualan sejumlah RM719.29 juta (48.7%). Diikuti oleh subsektor ternakan RM709.52 juta (48.0%), akuakultur RM47.42 juta (3.2%) dan seterusnya perikanan RM1.13 juta (0.1%).

12.3.1 Subsektor Tanaman

Tiga tanaman utama dengan nilai jualan tertinggi di Daerah Kinta adalah sayur-sayuran (RM425.40 juta), kelapa sawit (RM228.85 juta) dan buah-buahan (RM34.98 juta). [Jadual 4]

Menariknya, timun menjadi sayuran paling banyak dikeluarkan di Daerah Kinta iaitu sebanyak 15,855.9 tan metrik pada tahun 2023. [Paparan 76]

TAHUKAH ANDA??

Buah pisang, jambu batu dan durian mencatatkan pengeluaran tertinggi di daerah Kinta.




Jadual 4: Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Kinta, Perak, 2023

Subsektor Tanaman	Nilai Jualan (RM juta)
Kelapa sawit	228.85
Sayur-sayuran	425.40
Buah-buahan	34.98
Tanaman lain	20.25
Gehet	6.44
Nanas	1.35
Padi	1.33
Lada	0.63
Koko	0.05

Paparan 76: Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik) Lima Spesis Sayuran Utama, Kinta, Perak, 2023

	Timun	15,855.9		Kekacang	1,666.8
	Sawi	12,629.4		Terung	1,188.9
				Tomato	4,379.2


12.3.2 Subsektor Lain



12.4 Daerah Kerian

Daerah Kerian terletak di utara Negeri Perak dan bersempadan dengan Negeri Pulau Pinang serta Kedah. Daerah ini berkeluasan 91,299.93 hektar merangkumi lapan mukim iaitu Parit Buntar, Bagan Serai, Beriah, Gunung Semanggol, Selinsing, Kuala Kurau, Bagan Tiang dan Tanjung Piandang. Aktiviti utama pertanian yang dijalankan adalah tanaman padi. Daerah Kerian mempunyai kawasan bertanam padi dengan keluasan semasa berjumlah 36,430.0 hektar meliputi hampir keseluruhan mukim di daerah ini. Sistem tanaman padi secara berjadual dilaksanakan melibatkan tiga punca utama penggunaan air iaitu di Kolam Bukit Merah, Rumah Pam Sungai Bogak dan Rumah Pam Padang Lalang merupakan punca utama air ke sawah.

Carta 12: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Kerian, Perak, 2023



Subsektor tanaman menyumbang nilai jualan sejumlah RM529.23 juta (46.6%) diikuti oleh subsektor akuakultur RM254.09 juta (22.4%), perikanan RM194.84 juta (17.2%) dan seterusnya ternakan RM156.40 juta (13.8%), pada tahun 2023 bagi Daerah Kerian.

12.4.1 Subsektor Tanaman


Daerah Kerian mencatatkan sebanyak 11,008 pegangan pertanian, iaitu 1.0% daripada keseluruhan pegangan pertanian di Perak. Tanaman Padi merupakan aktiviti utama di Daerah Kerian dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 7,969.

Carta 13: Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman, Kerian, Perak, 2023



Meskipun padi merupakan penyumbang terbesar bagi pegangan pertanian daerah Kerian namun dari segi nilai jualan, kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar dengan nilai jualan RM388.16 juta.

Carta 14: Nilai Jualan (RM juta) mengikut Subsektor Tanaman, Kerian, Perak, 2023



12.4.2 Subsektor Ternakan

Seramai 139 pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di daerah Kerian. Dari segi nilai jualan pula, subsektor ternakan mencatatkan RM156.40 juta dengan sumbangan 3.7 peratus daripada keseluruhan nilai jualan ternakan di negeri Perak.

Kuantiti pengeluaran ternakan hidup pada tahun 2023 di Kerian mencatatkan 10.1 juta ekor. Ternakan ayam/itik merupakan jenis pengeluaran utama diikuti dengan ternakan lembu/kerbau dan babi.

Paparan 78: Kuantiti Pengeluaran (ekor) Ternakan Hidup Utama, Kerian, Perak, 2023



10,065.3 ribu ekor



1.8 ribu ekor



1.7 ribu ekor

12.4.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Selain dari Tanaman Padi, Kerian juga merupakan penyumbang keempat tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan merekodkan penglibatan sebanyak 1,242 pegangan pertanian pada tahun 2023 dengan kuantiti pengeluaran 22,163.4 tan metrik. Manakala kuantiti jualan mencecah 22,146.8 tan metrik dengan nilai jualan RM194.84 juta.

Paparan 79: Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Kerian, Perak, 2023



Pegangan Pertanian
1,242



Nilai jualan
RM194.84 Juta

Kuantiti pengeluaran di Kerian bagi zon perikanan tangkapan laut merekodkan 22,109.4 tan metrik dengan jumlah 1,216 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan darat hanya menyumbang 54.0 tan metrik dengan jumlah 26 bilangan pegangan pertanian.

Paparan 80: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan Laut dan Darat, Kerian, Perak, 2023



Zon Laut
22,109.4 mt



Zon Darat
54.0 mt

11.4.4 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di Kerian telah merekodkan penglibatan 178 pegangan pertanian pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu mencatatkan 102 orang (57.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan adalah 76 pertubuhan (42.7%).

Paparan 81: Pegangan Pertanian Subsektor Akuakultur, Kerian, Perak, 2023



Individu : 102
Pertubuhan: 76

Akuakultur Air Payau merupakan penyumbang terbesar subsektor akuakultur dengan nilai jualan RM192.54 juta, diikuti, Akuakultur Ikan Hiasan RM37.01 juta, dan Akuakultur Air Tawar RM24.27 juta. Akuakultur Baka & Benih hanya menyumbang RM0.27 juta.

Paparan 82: Nilai Jualan (RM juta) mengikut Jenis Akuakultur, Kerian, Perak, 2023




SUBSEKTOR TANAMAN

12.5 Daerah Kuala Kangsar

Kuala Kangsar merupakan daerah ketiga terbesar di negeri Perak dengan keluasan 2,562 kilometer persegi yang meliputi sembilan mukim iaitu Chegar Galah, Kampong Buaya, Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri, Lubok Merbau, Pulau Kamiri, Sayung, Senggang dan Sungai Siput.

Sektor pertanian memainkan peranan utama dalam meningkatkan ekonomi daerah Kuala Kangsar. Penyumbang utama ekonomi pertanian di daerah ini ialah tanaman kelapa sawit dan buah-buahan. Selain daripada kedua tanaman ini, tanaman padi, getah, kenaf, nanas, koko, tanaman lain serta sayur-sayuran turut menjadi faktor pengukuh sektor di daerah ini.

Carta 15: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Kuala Kangsar, Perak, 2023




Tanaman merekodkan nilai jualan tanaman sejumlah RM550.55 juta (64.7%), diikuti oleh subsektor ternakan RM224.79 juta (26.4%), akuakultur RM47.00 juta (5.5%) dan perikanan RM29.20 juta (3.4%) di daerah Kuala Kangsar.

12.5.1 Subsektor Tanaman

Daerah Kuala Kangsar mencatatkan sebanyak 12,379 pegangan pertanian, iaitu 11.5 % daripada keseluruhan pegangan pertanian di Perak. Tanaman merupakan aktiviti utama di Daerah Kuala Kangsar dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 11,837.

Carta 16: Pegangan Pertanian Sektor Pertanian, Kuala Kangsar, Perak, 2023



Tanaman kelapa sawit menjadi penyumbang terbesar nilai jualan sektor tanaman dengan nilai sebanyak RM425.52 juta diikuti oleh subsektor buah-buahan sebanyak RM54.45 juta, getah RM42.42 juta dan tanaman lain RM6.76 juta.

Carta 17: Nilai Jualan mengikut Subsektor Tanaman (RM juta), Kuala Kangsar, Perak, 2023



12.5.2 Subsektor Ternakan

Seramai 211 pegangan pertanian yang terlibat dengan aktiviti penternakan di Daerah Kuala Kangsar pada tahun 2023. Ternakan kambing/bebiri mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 71 pegangan pertanian diikuti ternakan ayam/itik 63 pegangan pertanian dan ternakan lembu/kerbau 40 pegangan pertanian.

Kuantiti pengeluaran bagi ternakan ayam/itik merupakan penyumbang tertinggi di Kuala Kangsar dengan 6.3 juta ekor dengan nilai jualan RM73.30 juta.

Paparan 83: Parameter Utama bagi Subsektor Ternakan mengikut Spesis Utama, Kuala Kangsar, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 71
Kuantiti pengeluaran: 1.0 ribu ekor
Nilai Jualan: RM0.87 juta



Pegangan Pertanian: 63
Kuantiti pengeluaran: 6.3 juta ekor
Nilai Jualan: RM73.30 juta



Pegangan Pertanian: 40
Kuantiti pengeluaran: 2.3 ribu ekor
Nilai Jualan: RM2.17 juta

12.5.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Kategori nelayan darat menjadi penyumbang utama kepada subsektor perikanan. Kategori ini mencatatkan sejumlah 354 pegangan pertanian dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 2,054 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM29.20 juta.

Paparan 84: Bilangan Pegangan Pertanian, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan, Kuala Kangsar, Perak, 2023



Bilangan Pegangan Pertanian

354



Kuantiti jualan (mt)

2,054



Nilai jualan (RMjuta)

29.2 juta

Kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat adalah lebih tinggi berbanding tangkapan hasil laut dengan jumlahnya sebanyak 1,880.4 tan metrik dan 338 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil laut adalah sebanyak 173.9 tan metrik dengan 16 bilangan pegangan pertanian.

Paparan 85: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Kuala Kangsar, Perak, 2023



Zon Darat



Zon Laut

1,880.4 mt

173.9 mt

12.5.4 Subsektor Akuakultur


Subsektor akuakultur merekodkan nilai jualan sebanyak RM47.00 juta, melibatkan 209 pegangan pertanian dengan kuantiti pengeluaran dalam unit bilangan (ekor) sebanyak 1.4 juta ekor, manakala dalam unit tan metrik sebanyak 964.6 tan metrik.

12.6 Daerah Larut dan Matang

Daerah Larut dan Matang dan Selama (LMS) dahulunya bermula sebagai sebuah pekan kecil bijih timah sehingga Taiping menjadi ibu negeri pertama Perak. Majoriti penduduk di sini terlibat dalam sektor pertanian yang memainkan peranan utama dalam ekonomi dan sosial masyarakat setempat. Aktiviti pertanian di daerah ini telah mengalami perubahan ketara sejak 1990-an, beralih dari kaedah tradisional kepada amalan moden dengan penggunaan teknologi seperti automasi dan pertanian pintar.

Pada era 1990-an, fokus utama tertumpu kepada tanaman padi, dusun buah-buahan tempatan, getah dan kelapa sawit. Menjelang era 2000-an, berlakunya diversifikasi tanaman dan peningkatan penggunaan jentera moden pertanian. Sejak 2010 hingga 2023, terdapat penekanan pada tanaman bernilai tinggi seperti tanaman durian dan cili serta amalan pertanian yang lebih lestari.

Carta 18: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Larut dan Matang, Perak, 2023



Tanaman menjadi penyumbang utama kepada sektor Pertanian di Larut & Matang yang merekodkan nilai jualan sejumlah RM869.81 juta (44.8%). Ini diikuti oleh subsektor ternakan RM519.40 juta (26.8%), perikanan RM473.87 juta (24.4%) dan seterusnya akuakultur RM77.09 juta (4.0%).

12.6.1 Subsektor Tanaman

Daerah Larut dan Matang mencatatkan sebanyak 7,397 pegangan pertanian tanaman iaitu 7.7% daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman di Perak. Tanaman kelapa sawit merupakan aktiviti utama di Daerah Larut dan Matang dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 2,722. Tanaman kelapa sawit merekodkan nilai jualan tanaman terbesar pada tahun 2023 dengan nilai sebanyak RM441,604.39 ribu. Ini diikuti oleh buah-buahan sebanyak RM368,791.43 ribu dan tanaman lain sebanyak RM32,775.28 ribu.

Jadual 5: Bilangan Pegangan Pertanian dan Nilai Jualan (RM ribu) mengikut Subsektor Tanaman, Larut Matang, Perak, 2023

Tanaman	Pegangan Pertanian	Nilai Jualan (RM ribu)
Kelapa Sawit	2,722	441,604.39
Buah-Buahan	2,392	368,791.43
Tanaman Lain	482	32,775.28
Sayur-Sayuran	215	15,772.24
Getah	1,496	5,160.56
Padi	57	3,691.74
Nanas	26	2,008.49
Koko	7	2.88

12.6.2 Subsektor Ternakan

Seramai 350 pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di daerah Larut dan Matang. Daerah Larut dan Matang merupakan daerah keempat tertinggi bagi kuantiti pengeluaran ternakan. Subsektor ini menyumbang nilai jualan bagi ternakan hidup sebanyak RM519.40 juta dengan kuantiti pengeluaran ternakan hidup sebanyak 26.4 juta ekor.

Ternakan lembu/kerbau mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 135 pegangan pertanian diikuti ternakan kambing/bebiri 127 pegangan pertanian dan ternakan ayam/itik 69 pegangan pertanian.

Kuantiti pengeluaran bagi ternakan ayam/itik merupakan penyumbang tertinggi di daerah Larut Matang iaitu 26.4 juta ekor dengan nilai jualan RM417.38 juta.

Paparan 86: Parameter Utama bagi Subsektor Ternakan mengikut Spesis Utama, Larut dan Matang, Perak, 2023



Pegangan pertanian: 135
Kuantiti pengeluaran: 1.9 ribu ekor
Nilai jualan: RM8.52 juta



Pegangan pertanian: 127
Kuantiti pengeluaran: 2.7 ribu ekor
Nilai jualan: RM1.65 juta



Pegangan pertanian: 69
Kuantiti pengeluaran: 26.4 juta ekor
Nilai jualan: RM417.38 juta

TAHUKAH ANDA??



Daerah Larut & Matang merupakan pengeluar utama durian bagi negeri Perak

12.6.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Larut dan Matang merupakan penyumbang keempat tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan merekodkan 829 pegangan pertanian. Dari segi kuantiti pengeluaran pula, subsektor perikanan mencatatkan 59,486.7 tan metrik bagi perikanan tangkapan laut dan darat di daerah ini.

Paparan 87: Bilangan Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Larut Matang, Perak, 2023



Pegangan Pertanian

829



Kuantiti pengeluaran

59,486.7 mt



Nilai jualan

RM473.86 juta

Bagi daerah Larut dan Matang, kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil laut adalah tertinggi iaitu berjumlah 59,274.9 tan metrik dengan jumlah 796 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat sebanyak 211.8 tan metrik dengan 33 bilangan pegangan pertanian.

Paparan 88: Kuantiti Pengeluaran dan Pegangan Pertanian mengikut Zon Perikanan Tangkapan, Larut Matang, Perak, 2023



Zon Laut

Kuantiti pengeluaran: 59,274.9 mt
Bilangan pegangan pertanian: 796




Zon Darat

Kuantiti pengeluaran: 211.8 mt
Bilangan pegangan pertanian: 33

12.7 Daerah Hilir Perak

Daerah Hilir Perak terletak di bahagian selatan negeri Perak dengan Teluk Intan sebagai pusat pentadbirannya. Daerah Hilir Perak terbahagi kepada lima mukim iaitu Changkat Jong, Durian Sebatang, Labu Kubong, Sungai Durian dan Sungai Manik. Keluasan daerah Hilir Perak adalah seluas 786.9 kilometer persegi.

Carta 19: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Hilir Perak, Perak, 2023



Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor Pertanian di Hilir Perak yang merekodkan nilai jualan sejumlah RM1671.13 juta (91.0%), diikuti oleh ternakan RM44.36 juta (2.5%), subsektor perikanan RM17.27 juta (1.0%), dan seterusnya akuakultur RM12.16 juta (0.7%).

12.7.1 Subsektor Tanaman

Daerah Hilir Perak mencatatkan keseluruhan nilai jualan pertanian sebanyak RM1,671.13 juta. Keluasan bertanam pertanian daerah ini adalah seluas 102,820.5 hektar yang melibatkan 7,912 Pegangan Pertanian.

Penanaman kelapa sawit dan padi merupakan aktiviti utama bagi daerah ini dengan keluasan bertanam kelapa sawit 88,275.0 hektar dengan nilai jualan RM1,591.14 juta yang banyak diterajui oleh ladang-ladang dan estet syarikat antaranya United Plantations dan SD Guthrie.

Aktiviti penanaman padi pula merekodkan nilai jualan kedua tertinggi dengan RM46.68 juta (2.8%) dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 2,106 pegangan pertanian. Keluasan bertanam seluas 13,690.4 hektar dengan faktor tanah subur dan geografi yang sangat sesuai membolehkan tanaman padi hidup subur.

Aktiviti tanaman buah-buahan merekodkan nilai jualan ketiga tertinggi dengan RM 13.89 juta dengan pegangan pertanian sebanyak 352 pengusaha dengan keluasan bertanam seluas 349.7 hektar. Antara jenis buah-buahan yang diusahakan di daerah Hilir Perak adalah seperti rambutan, jambu batu, tembikai, durian dan sebagainya.

Jadual 6: Parameter Utama mengikut Subsektor Tanaman, Hilir Perak, Perak, 2023

Tanaman	Pegangan Pertanian	Keluasan Bertanam (Hektar)	Nilai Jualan (RM juta)
Kelapa Sawit	4,894	88,275.0	1,591.14
Padi	2,106	13,690.4	46.68
Buah-Buahan	352	349.7	13.89
Sayur-Sayuran	151	128.7	13.77
Tanaman Lain	209	176.4	2.60
Nanas	30	25.2	2.42
Getah	153	163.4	0.58
Lada	1	0.5	0.02
Koko	16	11.4	0.01

12.7.2 Subsektor Ternakan

Bagi subsektor ternakan, seramai 156 pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti perternakan. Kuantiti pengeluaran ternakan hidup di Hilir Perak mencatatkan 1.5 juta ekor. Ternakan ayam/itik merupakan kuantiti pengeluaran yang tertinggi sebanyak 1.4 juta ekor (sumbangan 58.6%) diikuti ternakan babi dengan kuantiti pengeluaran 12.6 ribu ekor dan diikuti juga dengan lembu/kerbau 1.3 ribu ekor (sumbangan 6.3%).

Paparan 89: Populasi ternakan mengikut spesis utama, Hilir Perak, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 40
Kuantiti Pengeluaran: 1.4 juta ekor
Nilai Jualan: RM20.97 juta



Pegangan Pertanian : 4
Kuantiti Pengeluaran: 12.6 ribu ekor
Nilai Jualan: RM16.43 juta

12.7.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil laut adalah tertinggi sebanyak 1,128.5 tan metrik dengan jumlah 45 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat sebanyak 49.9 tan metrik dengan 52 bilangan pegangan pertanian.

Paparan 90: Bilangan Pegangan Pertanian dan Kuantiti Pengeluaran bagi Hasil Laut dan Hasil Darat , Hilir Perak, Perak, 2023



Pegangan Pertanian

97



Kuantiti Pengeluaran Hasil Laut

1,128.5

(tan metrik)



Kuantiti Pengeluaran Hasil Darat

49.9

(tan metrik)

12.7.4 Subsektor Akuakultur

Sektor akuakultur melibatkan 30 pegangan pertanian dengan merekodkan nilai jualan sebanyak RM12.16 juta dengan kuantiti pengeluaran 780.8 tan metrik dan 0.6 juta ekor di Hilir Perak.

Paparan 91: Bilangan Pegangan Pertanian, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Hilir Perak, Perak, 2023



Pegangan Pertanian

30



Nilai jualan (RM)

12.16 juta



Kuantiti jualan

Tan metrik – 780.8 mt

Ekor – 0.6 juta

12.8 Daerah Hulu Perak


Hulu Perak merupakan sebuah daerah yang terletak di timur laut negeri Perak. Daerah ini merupakan daerah terbesar di negeri Perak. Pusat pentadbiran daerah Hulu Perak terletak di Bandar Gerik. Terdapat tiga pihak berkuasa tempatan di daerah ini iaitu Majlis Daerah Gerik, Majlis Daerah Lenggong dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

Daerah ini berkeluasan 661,289.99 hektar dan terbahagi kepada 10 buah mukim dan lima buah bandar;

Bil	Mukim/Bandar	Keluasan (hektar)
1	<u>Gerik</u>	39,804.56
2	<u>Pengkalan Hulu</u>	22,037.42
3	<u>Lenggong</u>	77,478.87
4	<u>Kenering</u>	83,713.69
5	<u>Kerunai</u>	29,131.30
6	<u>Temengor</u>	285,533.08
7	<u>Durian Pipit</u>	11,474.57
8	<u>Temelong</u>	11,540.90
9	<u>Belukar Semang</u>	14,083.76
10	<u>Belum</u>	85,236.12
11	<u>Bandar Gerik</u>	637.49
12	<u>Bandar Pengkalan Hulu</u>	276.65
13	<u>Bandar Kelian Intan</u>	5.19
14	<u>Bandar Lenggong</u>	331.12
15	<u>Bandar Lawin</u>	5.27

Daerah Hulu Perak mempunyai keluasan bertanam keseluruhan komoditi sebanyak 31,925.3 hektar yang mana kawasan bertanam getah adalah yang tertinggi dengan keluasan semasa berjumlah 23,456.0 hektar meliputi seluruh mukim di daerah ini diikuti dengan kelapa sawit 6,314.4 hektar, buah-buahan 1,772.2 hektar, sayur-sayuran 156.9 hektar, tanaman lain 150.3 hektar, nanas 44.9 hektar, padi 21.5 hektar dan koko 9.1 hektar.

Carta 20: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Hulu Perak, Perak, 2023




Sektor tanaman menjadi penyumbang utama kepada sektor Pertanian di Hulu Perak dengan merekodkan nilai jualan sejumlah RM299.78 juta (79.3%), diikuti oleh akuakultur RM56.12 juta (14.8%), perikanan RM10.39 juta (2.7%) dan ternakan RM11.95 juta (3.2%).

12.8.1 Subsektor Tanaman


Daerah Hulu Perak mencatatkan sebanyak 12,428 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman, iaitu 13.3 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman di Perak. Tanaman Getah merupakan aktiviti utama di Daerah Hulu Perak dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 10,843.

Carta 21: Bilangan pegangan pertanian Subsektor Tanaman, Hulu Perak, Perak, 2023



Tanaman getah menyumbang nilai jualan tertinggi dengan nilai RM124.28 juta diikuti oleh kelapa sawit RM107.65 juta dan buah-buahan RM43.36 juta.

Carta 22: Nilai Jualan (RM juta) mengikut subsektor tanaman, Hulu Perak, Perak, 2023



12.8.2 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan nilai jualan sebanyak RM56.12 juta pada tahun 2023 di Daerah Hulu Perak melibatkan jumlah kluasan ternakan akuakultur seluas 68.8 hektar.

Paparan 92: Bilangan Pegangan Pertanian, dan Nilai Jualan, Subsektor Akuakultur, Hulu Perak, Perak, 2023



12.8.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Kategori nelayan darat menjadi penyumbang utama kepada subsektor perikanan. Kategori ini mencatatkan sejumlah 476 pegangan pertanian dengan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 792.5 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM10.39 juta.

Paparan 93: Bilangan Pegangan Pertanian, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan bagi Subsektor Perikanan, Hulu Perak, Perak, 2023



Bilangan Pegangan Pertanian	Kuantiti jualan (tm)	Nilai jualan (RM)
476	792.5	10.39 juta

Kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat adalah lebih tinggi berbanding tangkapan hasil laut dengan jumlahnya sebanyak 728.5 tan metrik dan 450 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil laut adalah sebanyak 64.0 tan metrik dengan 26 bilangan pegangan pertanian.

Paparan 94: Kuantiti pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Hulu Perak, Perak, 2023



12.8.4 Subsektor Ternakan

Seramai 215 orang pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di Daerah Hulu Perak. Dari segi nilai jualan pula, subsektor ternakan mencatatkan RM11.95 juta dengan sumbangan 0.3 peratus daripada keseluruhan ternakan negeri Perak.

Kuantiti pengeluaran ternakan hidup di Hulu Perak mencatatkan 0.4 ribu ekor. Ternakan ayam/itik merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 0.3 ribu ekor adalah lain-lain ternakan (lembu, kambing dan kerbau).


12.9 Daerah Perak Tengah

Perak Tengah merupakan salah satu daerah dalam negeri Perak. Daerah ini terletak di tengah Perak berkeluasan 1,279.46 kilometer persegi yang merangkumi 12 buah mukim iaitu

- Mukim Bandar
- Mukim Belanja
- Mukim Bota
- Mukim Jaya Baru
- Mukim Kampong Gajah
- Mukim Kota Setia
- Mukim Lambor Kiri
- Mukim Layang-Layang
- Mukim Pasir Panjang
- Mukim Pasir Salak
- Mukim Pulau Tiga



Carta 23: Nilai Jualan Pertanian, (RM juta), Perak Tengah, Perak, 2023



Pada tahun 2023, Subsektor Tanaman merekodkan jumlah nilai jualan sebanyak RM1,032.06 juta diikuti sektor ternakan sebanyak RM110.20 juta seterusnya sektor akuakultur yang menyumbangkan nilai jualan sebanyak RM3.05 juta. Bagi sektor perikanan pula sebanyak RM1.75 juta direkodkan pada tahun yang sama.

12.9.1 Subsektor Tanaman


Daerah Perak Tengah mencatatkan sebanyak 8,200 pegangan pertanian, iaitu 8.8 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian di Perak. Tanaman Kelapa Sawit merupakan aktiviti utama di Daerah Perak Tengah dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 3,002 orang.

Carta 24: Bilangan Pegangan Pertanian Subsektor Tanaman, Perak Tengah, Perak, 2023



Tanaman kelapa sawit juga menjadi penyumbang terbesar nilai jualan sebanyak RM822.34 juta diikuti oleh padi RM117.73 juta dan buah-buahan RM56.66 juta

Carta 25: Nilai Jualan mengikut subsektor tanaman (RM juta), Perak Tengah, Perak, 2023



12.9.2 Subsektor Ternakan

Seramai 113 orang pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di Daerah Perak Tengah. Penternakan lembu/kerbau mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 46, diikuti penternakan kambing/bebiri (44) dan penternakan ayam/itik (21).

Kuantiti pengeluaran ternakan hidup di Perak Tengah mencatatkan 6.0 juta ekor. Ternakan ayam/itik merupakan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 6.0 juta ekor (99.1%) diikuti ternakan kambing/bebiri 2.2 ribu ekor(0.05%) dan lembu/kerbau 0.6 ribu ekor (0.14%).

Paparan 95: Parameter Utama bagi Subsektor Ternakan mengikut Spesis Utama, Perak Tengah, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 21 orang

Kuantiti Pengeluaran: 6.0 juta ekor

Nilai Jualan: RM106.00 juta

Pegangan Pertanian: 46 orang

Kuantiti Pengeluaran: 0.6 ribu ekor

Nilai Jualan: RM 2.77 juta



Pegangan Pertanian: 44 orang

Kuantiti Pengeluaran: 2.2 ribu ekor

Nilai Jualan: RM0.86 juta



12.9.3 Subsektor Perikanan Tangkapan

Seramai 28 pegangan pertanian terlibat dalam subsektor perikanan di Perak Tengah dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 171.2 tan metrik dan nilai jualan RM1.75 juta bagi perikanan tangkapan darat dan laut.

Paparan 96: Bilangan Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan bagi Subsektor Perikanan, Perak Tengah, Perak, 2023



Pegangan Pertanian

28



Kuantiti jualan (tan metrik)

171.2



Nilai jualan (RM'000)

1.75

Bagi daerah Perak Tengah, kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil laut adalah sebanyak 104.4 tan metrik dengan jumlah 13 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat sebanyak 66.8 tan metrik dengan 15 bilangan pegangan pertanian.

Paparan 97: Pegangan Pertanian dan Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Perak Tengah, Perak, 2023



Zon Darat

Kuantiti pengeluaran: 66.8 mt
pegangan pertanian: 15



Zon Laut

Kuantiti pengeluaran: 104.4 mt
Pegangan Pertanian: 13

12.9.4 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur di daerah Perak Tengah merekodkan nilai jualan sebanyak RM3.05 juta di mana melibatkan seramai 48 pegangan pertanian dengan kuantiti pengeluaran 443.1 tan metrik dan juga kuantiti jualan 373.8 tan metrik.


12.10 Daerah Kampar

Kampar merupakan daerah kesepuluh di Negeri Perak hasil gabungan Daerah Kecil Gopeng dan Daerah Kecil Kampar yang terletak kira-kira 40 kilometer dari bandaraya Ipoh dan 16 kilometer dari pekan Tapah. Sebelum ini, kedua-dua daerah kecil itu berada di bawah pentadbiran daerah Kinta.



Daerah Kampar berkeluasan 660 km² dan terbahagi kepada dua mukim iaitu Kampar dan Teja. Keluasan bertanam sektor pertanian di daerah ini sebanyak 4,731.9 hektar.

Carta 26: Nilai Jualan (RM juta), Kampar, Perak, 2023



Jumlah Nilai Jualan Pertanian subsektor ternakan menjadi penyumbang utama kepada Sektor Pertanian di Kampar dengan nilai jualan RM507.79 juta (64.7%) diikuti oleh subsektor tanaman RM191.75

juta (24.5%), akuakultur RM82.71 juta (10.5%), serta perikanan RM2.05 juta (0.3%).

12.10.1 Subsektor Ternakan

Seramai 160 pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di daerah Kampar merekodkan nilai jualan RM507.79 juta dengan sumbangan 64.7% daripada keseluruhan ternakan negeri Perak. Kuantiti pengeluaran ternakan hidup di Kampar mencatatkan 16.3 juta ekor. Ternakan ayam/itik merupakan ternakan utama diikuti dengan babi, lembu/kerbau serta kambing/bebiri.

Paparan 98: Parameter Utama bagi Subsektor Ternakan mengikut Spesies Utama, Daerah Kampar, Perak, 2023



Ayam/Itik

Pegangan Pertanian: 36
Kuantiti Pengeluaran: 16.2 juta ekor
Nilai Jualan: RM 307,432.64 ribu



Khinzir

Pegangan Pertanian: 20
Kuantiti Pengeluaran: 178.1 ribu ekor
Nilai Jualan: RM119.63 juta



Lembu/Kerbau

Pegangan Pertanian: 86
Kuantiti Pengeluaran: 2.8 ribu ekor
Nilai Jualan: RM13.80 juta



Kambing/Bebiri

Pegangan Pertanian: 24
Kuantiti Pengeluaran: 2.8 ribu ekor
Nilai Jualan: RM2.64 juta

12.10.2 Subsektor Tanaman

Subsektor kedua tertinggi selepas ternakan ialah subsektor tanaman dengan 2,043 pegangan pertanian. Tanaman Kelapa Sawit merupakan aktiviti utama di daerah Kampar dengan bilangan pegangan pertanian sebanyak 509 dan keluasan bertanam 2,383.7 hektar.

Carta 27: Keluasan Bertanam (hektar) Subsektor Tanaman, Kampar, Perak, 2023.



Walaupun kelapa sawit merupakan penyumbang terbesar bagi keluasan bertanam daerah Kampar, namun dari segi nilai jualan sayur-sayuran merupakan penyumbang terbesar dengan nilai jualan RM118.29 juta.

Carta 28: Nilai Jualan (RM juta) mengikut Subsektor Tanaman, Kampar, Perak, 2023



12.10.3 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merupakan subsektor ketiga tertinggi selepas tanaman. Seramai 198 pegangan pertanian yang terlibat dengan aktiviti ini merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 8,526.3 tan metrik dan 156.9 juta ekor dengan hasil nilai jualan sebanyak RM82.71 juta menyumbangkan 10.5% peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian akuakultur negeri Perak.

Paparan 99: Bilangan Pegangan Pertanian, Kuantiti Pengeluaran dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur di Kampar, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 198 orang

Kuantiti Pengeluaran: 8,526.3 mt, 156.9 juta ekor

Nilai Jualan: RM82.71 juta

12.10.4 Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan pula merupakan subsektor keempat tertinggi hasil pertanian di daerah Kampar.

Paparan 100: Kuantiti Pengeluaran mengikut Zon Perikanan, Kampar, Perak, 2023



146.9 mt


Zon Laut

Kuantiti pengeluaran bagi Daerah Kampar hanya mempunyai tangkapan hasil laut iaitu sebanyak 146.9 tan metrik dengan jumlah 3 pegangan pertanian. Ironiknya, tiada aktiviti perikanan darat dijalankan di daerah ini.

12.11 Daerah Muallim

Daerah Muallim merupakan sebahagian daripada daerah Batang Padang dan secara rasmi diwartakan sebagai daerah baharu pada tahun 2016. Daerah ini terdiri daripada dua mukim iaitu Slim dan Ulu Bernam yang bersempadan negeri Selangor dan menjadi pintu masuk ke negeri Perak dari arah selatan melalui Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Selain daripada menjadi hab pendidikan dan hab industri, daerah ini turut memiliki potensi besar dalam sektor pertanian.

Carta 29: Nilai Jualan (RM juta) Sektor Pertanian, Muallim, Perak, 2023




Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama kepada sektor Pertanian di Muallim yang merekodkan nilai jualan RM 67.73 juta (65.0%) diikuti oleh subsektor ternakan RM17.91 juta (17.4%), seterusnya perikanan tangkapan RM8.03 juta (7.8%) dan subsektor akuakultur RM9.07 juta (8.8%).

12.11.1 Subsektor Tanaman

Tiga jenis tanaman yang menjadi penyumbang utama subsektor tanaman di Daerah Muallim ialah kelapa sawit dengan nilai jualan RM28.37 juta (41.9%) diikuti sayur-sayuran RM20.32 juta (30.0%) dan

getah RM8.02 juta (11.8%). Ketiga-tiga tanaman ini menyumbang lebih daripada 83.7% kepada keseluruhan nilai subsektor tanaman di daerah ini. [Carta 30]

Carta 30: Nilai Jualan (RM juta) Subsektor Tanaman, Muallim, Perak, 2023



Paparan 101: Pegangan Pertanian dan Keluasan Bertanam (Hektar) Subsektor Tanaman, Muallim, Perak, 2023

	GETAH	KELAPA SAWIT	SAYUR-SAYURAN
Pegangan Pertanian	1356	674	150
Keluasan Bertanam (Hektar)	1,673.6	1,787.2	542.6

Tiga pengeluaran utama bagi tanaman buah-buahan di Muallim pada tahun 2023 adalah buah durian (585.9 tan metrik), jambu batu (500.9 tan metrik) dan pisang (450.7 tan metrik).

Paparan 102: Tanaman Buah-buahan Utama mengikut Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik), Muallim, Perak, 2023




12.12 Daerah Bagan Datuk

Bagan Datuk terletak di selatan negeri Perak yang bersempadan dengan daerah Manjung, Perak Tengah dan Hilir Perak di utara, daerah Muallim di timur, negeri Selangor di selatan dan Selat Melaka di barat. Mempunyai empat mukim iaitu Hutan Melintang, Bagan Datuk, Rungkup dan Teluk Baru serta memiliki keluasan tanah seluas 974.5 kilometer persegi.

Bagan Datuk merekodkan seramai 4,112 pegangan pertanian yang terlibat dalam pelbagai sektor pertanian dengan keluasan tanah bertanam seluas 12,987.4 hektar dan mencapai nilai jualan pertanian sebanyak RM1,004.51 juta (6.3%) daripada keseluruhan Perak RM15.9 bilion.

Carta 31: Nilai Jualan Sektor Pertanian (RM juta), Bagan Datuk, Perak, 2023



Subsektor perikanan mendominasi nilai jualan sektor pertanian di Daerah Bagan Datuk dengan merekodkan sebanyak RM823.82 juta (79.6%), diikuti oleh subsektor tanaman RM180.91 juta (17.5%), subsektor akuakultur RM23.67 juta (2.3%) dan subsektor ternakan RM6.90 juta (0.7%).

11.12.1 Subsektor Perikanan Tangkapan


Bagan Datuk merekodkan kuantiti pengeluaran perikanan yang tertinggi di Perak sebanyak 125,363.2 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM823.82 juta yang melibatkan seramai 959 pegangan pertanian berbanding pegangan pertanian di daerah yang lain.

Bagi Daerah Bagan Datuk, kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil laut adalah tertinggi sebanyak 125,344.4 tan metrik dengan jumlah 948 bilangan pegangan pertanian. Manakala kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat sebanyak 18.8 tan metrik dengan 11 bilangan pegangan pertanian.

12.12.1 Subsektor Tanaman

Subsektor tanaman memainkan peranan penting dalam menyokong sektor pertanian daerah ini dan merupakan penyumbang kedua tertinggi bagi nilai jualan. Tiga jenis tanaman utama yang menyumbang kepada subsektor tanaman iaitu tanaman lain seperti kelapa sebanyak RM108.41 juta diikuti kelapa sawit RM56.43 juta dan buah-buahan RM10.09 juta.

Carta 32: Nilai Jualan (RM juta) Subsektor Tanaman, Bagan Datuk, Perak, 2023




12.13 Daerah Selama

Daerah Selama terletak di utara Negeri Perak bersempadan dengan Negeri Kedah. Daerah ini berkeluasan 74,591.8 hektar terdiri daripada tiga mukim iaitu Selama, Hulu Selama dan Ijok.

Majoriti penduduk di sini terlibat dalam sektor pertanian yang memainkan peranan utama dalam ekonomi dan sosial masyarakat setempat. Aktiviti utama pertanian di Selama adalah ternakan dan tanaman.

Carta 33: Nilai Jualan Sektor Pertanian, Selama (RM juta), Selama, Perak, 2023



Carta 1 menunjukkan subsektor ternakan adalah penyumbang utama kepada sektor pertanian di daerah Selama yang merekodkan nilai jualan sejumlah RM361.24 juta (73.8%) diikuti oleh subsektor tanaman RM112.75 juta (23.1%), akuakultur RM14.50 juta (3.0%), manakala subsektor perikanan nilai jualan terlalu kecil iaitu sebanyak RM44.72 ribu yang menyumbang 0.01%.

12.13.1 Subsektor Ternakan

Seramai 125 pegangan pertanian terlibat dengan aktiviti penternakan di daerah Selama. Penternakan kambing/bebiri mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu seramai 85 pegangan pertanian dan lain-lain ternakan sebanyak 50 pegangan pertanian.

Kuantiti pengeluaran ternakan hidup di Selama mencatatkan 43.3 juta ekor. Ternakan ayam/itik mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi 21.8 juta ekor (sumbangan 99.9%) diikuti ternakan kambing/bebiri dan lembu/kerbau sebanyak 0.4 ribu ekor dan 0.2 ribu ekor dimana masing-masing menyumbang sebanyak 0.1% daripada jumlah keseluruhan.

Paparan 103: Parameter Utama bagi Subsektor Ternakan mengikut Spesies Utama, Selama, Perak, 2023



Pegangan Pertanian: 4

Kuantiti Pengeluaran: 21.8 juta ekor

Nilai Jualan: RM288.37 juta



Pegangan Pertanian: 46

Kuantiti Pengeluaran: 214 ekor

Nilai Jualan: RM917.80 ribu



Pegangan Pertanian: 85

Kuantiti Pengeluaran: 386 ekor

Nilai Jualan: RM253.00 ribu

12.13.2 Subsektor Tanaman


Subsektor tanaman merupakan aktiviti pertanian kedua tertinggi di Selama dimana jumlah nilai jualan keseluruhan adalah sebanyak **RM112.75 juta**.

Carta 34: Nilai Jualan (RM juta) mengikut Subsektor Tanaman, Selama, Perak, 2023



Tanaman Kelapa Sawit mendominasi subsektor ini dengan nilai jualan RM74.53 juta melibatkan seramai 1,304 pegangan pertanian dengan keluasan bertanam seluas 5,089.5 hektar.

Paparan 104: Bilangan Pengusaha, Nilai Jualan Keluasan Bertanam dan Tuaian, Kelapa Sawit, Selama, Perak, 2023



12.13.3 Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan 59 bilangan pegangan pertanian yang mempunyai kuantiti pengeluaran sebanyak 579.4 tan metrik dan 300 ekor dengan nilai jualan sebanyak RM14.50 juta melibatkan jumlah keluasan ternakan akuakultur seluas 61.7 hektar.

Paparan 105: Parameter Utama bagi Subsektor Akuakultur, Selama, Perak, 2023

Pegangan Pertanian	Kuantiti Pengeluaran	Nilai Jualan (RM juta)
59	Tan metrik – 579.4 Ekor – 300	14.50 juta

12.13.4 Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan di daerah Selama merekodkan kuantiti pengeluaran bagi tangkapan hasil darat sebanyak 4.5 tan metrik dan nilai jualan sebanyak RM44.72 ribu sahaja. Perikanan di daerah ini sepenuhnya melibatkan nelayan tangkapan darat.

Paparan 100: Nilai Jualan mengikut Zon Perikanan Tangkapan, Selama, Perak, 2023



JADUAL STATISTIK



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	97.94	21,191	2.06	1,030,020	100.0
Johor	102,460	96.63	3,578	3.37	106,038	100.0
Kedah	123,194	99.01	1,237	0.99	124,431	100.0
Kelantan	87,203	99.50	442	0.50	87,645	100.0
Melaka	13,022	94.20	802	5.80	13,824	100.0
Negeri Sembilan	44,082	97.03	1,347	2.97	45,429	100.0
Pahang	87,482	97.18	2,543	2.82	90,025	100.0
Perak	104,878	97.58	2,596	2.42	107,474	100.0
Perlis	18,839	99.31	131	0.69	18,970	100.0
Pulau Pinang	15,491	93.07	1,154	6.93	16,645	100.0
Sabah	156,635	98.35	2,624	1.65	159,259	100.0
Sarawak	145,378	98.62	2,036	1.38	147,414	100.0
Selangor	35,474	95.57	1,643	4.43	37,117	100.0
Terengganu	72,367	99.06	684	0.94	73,051	100.0
W.P. Kuala Lumpur	1,426	81.21	330	18.79	1,756	100.0
W.P. Labuan	732	95.56	34	4.44	766	100.0
W.P. Putrajaya	166	94.32	10	5.68	176	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding by Administrative District, Perak, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Perak	104,878	97.58	2,596	2.42	107,474	100.0
Batang Padang	11,706	98.13	223	1.87	11,929	100.0
Manjung	11,853	96.52	427	3.48	12,280	100.0
Kinta	6,608	91.87	585	8.13	7,193	100.0
Kerian	12,152	98.47	189	1.53	12,341	100.0
Kuala Kangsar	12,231	98.80	148	1.20	12,379	100.0
Larut Dan Matang	8,114	96.69	278	3.31	8,392	100.0
Hilir Perak	7,885	96.93	250	3.07	8,135	100.0
Hulu Perak	12,903	99.40	78	0.60	12,981	100.0
Perak Tengah	8,157	98.91	90	1.09	8,247	100.0
Kampar	2,367	95.02	124	4.98	2,491	100.0
Muallim	3,539	98.44	56	1.56	3,595	100.0
Bagan Datuk	4,013	97.59	99	2.41	4,112	100.0
Selama	3,350	98.56	49	1.44	3,399	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Peratus		Peratus		Peratus	
		Bilangan Number	Peratus (%)	Bilangan Number	Peratus (%)	Bilangan Number	Peratus (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit <i>Palm Oil</i>	236,241	96.01	9,806	3.99	246,047	100.00
	Padi <i>Paddy</i>	125,976	99.87	170	0.13	126,146	100.00
	Getah <i>Rubber</i>	387,124	99.92	309	0.08	387,433	100.00
	Nanas <i>Pineapple</i>	7,752	96.18	308	3.82	8,060	100.00
	Kenaf <i>Kenaf</i>	862	99.54	4	0.46	866	100.00
	Lada <i>Pepper</i>	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.00
	Koko <i>Cocoa</i>	4,147	99.62	16	0.38	4,163	100.00
	Buah-Buahan <i>Fruits</i>	87,731	97.36	2,375	2.64	90,106	100.00
	Sayur-Sayuran <i>Vegetables</i>	44,422	94.35	2,658	5.65	47,080	100.00
	Tanaman Lain <i>Other Crops</i>	38,302	96.61	1,344	3.39	39,646	100.00
Ternakan <i>Livestocks</i>		43,816	93.66	2,965	6.34	46,781	100.00
Perikanan <i>Fisheries</i>	Perikanan Tangkapan <i>Captured Fisheries</i>	48,267	99.18	399	0.82	48,666	100.00
	Akuakultur <i>Aquaculture</i>	8,407	81.79	1,872	18.21	10,279	100.00
Perhutanan & Pembalakan <i>Forestry & Logging</i>		7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Perak, 2023

Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Perak, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Peratus		Peratus		Peratus	
		Bilangan Number	Peratus (%)	Bilangan Number	Peratus (%)	Bilangan Number	Peratus (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit <i>Oil Palm</i>	30,880	96.96	968	3.04	31,848	100.00
